



**FAEZAH NOOR** (tiga dari kanan) menunjukkan ijazah diterimanya kepada Salahuddin, Nurfahana (kanan) dan Juliana di UPM, kelmarin.

# Tanggungjawab bangkit semangat genggam ijazah

Oleh Khairina Yasin  
kayrina@bharian.com.my

**W**ALAUPUN pernah putus asa dan hilang semangat kerana kehilangan ibu bapa dan tiga adik dalam kebakaran dua tahun lalu, ia tidak menghalang Faezah Noor Kasmuri, 22, berusaha gigih untuk menggenggam segulung ijazah.

Sebagai anak sulung dan pengganti ketua keluarga, beliau bangkit membina kekuatan untuk meneruskan pengajian hingga berjaya menerima Bacelor Sastera Bahasa Inggeris.

Faezah Noor antara 1,083 graduan yang menerima ijazah pada sidang ketujuh Majlis Konvokesyen ke-33, Universiti Putra Malaysia (UPM), kelmarin.

Ditemani tiga adiknya, Salahuddin, Juliana dan Nur Farhana, beliau bagaimanapun mengakui amat terkilan kerana ibu bapa tidak berpeluang melihat kejayaannya.

"Saya reda dengan ketentuan Allah... biarpun kehilangan orang tersayang, saya masih kuat untuk teruskan pengajian yang ketika itu berbaki dua tahun lagi.

"Memang pada awalnya amat sukar untuk saya menerima hakikat sehingga menyebabkan tumpuan dan pencapaian dalam pengajian terjejas.

"Namun saya bertuah kerana mempunyai adik dan ahli keluarga yang tidak putus memberi sokongan dan kekuatan untuk meneruskan kehidupan biarpun bergelar anak yatim piatu," katanya yang mendapat bantuan kewangan UPM.

Kegigihan dan kejayaan Faezah Noor menjadi inspirasi kepada Salahuddin dan

**“**Namun saya bertuah kerana mempunyai adik dan ahli keluarga yang tidak putus memberi sokongan dan kekuatan untuk meneruskan kehidupan biarpun bergelar anak yatim piatu”

**Faezah Noor Kasmuri**  
Pelajar UPM

Juliana, kedua-duanya kini mengikuti pengajian di dua institusi pengajian tinggi awam, sejak setahun lalu.

Beliau yang kini menumpang kasih neneknya berharap mendapat pekerjaan secepat mungkin bagi membayai kos pengajian kedua-dua adiknya.

Sementara itu, impian seorang pesara guru, Gurcharan Kaur bergelar graduan juga tercapai apabila menerima Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) pada usia 66 tahun.

Berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan, beliau mengikuti program itu menerusi mod pengajian jarak jauh, Pusat Pendidikan Luar, UPM pada Jun 2005.

"Sebelum ini, saya terpaksa memendam impian bergelar graduan demi tanggungjawab menjaga ibu bapa, selain menanggung perbelanjaan pengajian adik di luar negara.

"Hanya selepas kematian ibu bapa enam tahun lalu, saya merasakan sudah sampai masanya untuk saya memenuhi keperluan pendidikan hingga berjaya menerima ijazah hari ini (kelmarin)," kata anak kedua daripada lima beradik itu.